

# MIER sokong PM negara tidak hadapi kemelesetan

BH 18 JUL 2001

INSTITUT Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), menyokong kenyataan Perdana Menteri bahawa negara tidak akan mengalami kemelesetan ekonomi seperti mana yang dihadapi Singapura ketika ini.

Pengarah Eksekutifnya, Dr Mohamed Ariff menolak kemungkinan Malaysia akan mengalami kemelesetan kerana kelembapan eksport barangan elektronik mampu ditampung kenaikan pendapatan hasil minyak dan minyak sawit.

"Harga minyak kini adalah menggalakkan manakala harga minyak sawit semakin meningkat. Oleh itu sektor asas mampu menyelamatkan Malaysia daripada terjerumus ke dalam situasi kemelesetan teknikal," katanya.

Kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menolak kemungkinan negara akan terjerumus ke kancah kemelesetan seperti yang dialami oleh Singapura kerana struktur ekonomi Malaysia yang lebih pelbagai.

Katanya, berbanding Singapura, ekonomi Malaysia lebih pelbagai dengan hasil seperti minyak dan minyak sawit dan tidak hanya bergantung kepada sektor elektronik seperti negara jiran itu.

Singapura baru-baru ini mengumumkan ia mungkin mengalami kemelesetan ekonomi sebenar selepas anggaran awal kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku tahunan keduanya menguncup 0.8 peratus pada asas tahunan.

Angka itu, yang jatuh 10.1 peratus pada asas suku tahunan, memaksa Singapura menurunkan unjuran pertumbuhan KDNK seluruh tahun ini kepada di antara 0.5 dan 1.5 peratus berbanding di antara 3.5 dan 5.5 peratus sebelum ini.

Sesebuah negara secara teknikalnya dikategorikan berada dalam kemelesetan ekonomi apabila mengalami kadar pertumbuhan KDNK negatif bagi dua suku tahunan berturut-turut.

Bercakap dalam taklimat ekonomi Malaysia MIER ke-16 di Kuala Lumpur, semalam, Mohamed Ariff bagaimanapun tidak memberi unjuran pertumbuhan KDNK negara bagi suku kedua tahun ini tetapi menegaskan pada asas tahunan, ia dijangka positif.

Bagaimanapun katanya, jika dinilai pada asas suku, KDNK yang dicatat bagi tempoh berkenaan mungkin meneruskan arah aliran negatif seperti yang dicatat pada suku pertama tahun ini.

Bagi suku pertama tahun ini, Malaysia mencatat pertumbuhan KDNK 3.2 peratus berdasarkan perbandingan tahunan tetapi menguncup 3.7 peratus jika dibandingkan dengan suku tahun sebelumnya.

Penguncupan itu dicatatkan berikutan Malaysia mencatat angka KDNK tinggi pada suku keempat tahun lalu.

Mohamed Ariff berkata, berikutan kelembapan ekonomi dunia yang menjejaskan eksport sektor elektronik, MIER mengkaji semula unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia tahun ini kepada 2.2 peratus, berbanding empat peratus sebelum ini.

"Dengan jangkaan pemulihan ekonomi dunia dan sektor elektronik tahun depan, kami unjuran kami bagi pertumbuhan KDNK 2002 pula ialah sekitar lima hingga enam peratus," katanya.

Beliau berkata, unjuran pertumbuhan 2.2 peratus bagi 2001 itu mampu dicapai jika semua dasar sedia ada, termasuk tabung ringgit dikekalkan dan keadaan ekonomi dunia tidak menjadi bertambah buruk.

Mohamed Ariff berkata, walaupun unjuran pertumbuhan itu berkurangan daripada sebelum ini, ekonomi Malaysia masih baik kerana sesetengah negara jiran mungkin akan mengalami pertumbuhan menghampiri sifar.